



## Mesyuarat Tahunan Ke-30 IDB

LAPORAN MOHD ASUKI ABAS, JOHARDY IBRAHIM, KHAIRUDIN MOHD AMIN, AMRAN

# Mahathir Pengerusi Suruhanjaya Wawasan

JUM 24 JUN 2005

PUTRAJAYA 23 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk merencanakan masa depan dunia Islam menjelang tahun 2020.

Pelantikan bekas Perdana Menteri itu diumumkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa

merasmikan Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor IDB ke-30 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Lembaga Gabenor dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, Malaysia akan menyokong kesemua aktiviti suruhanjaya berkenaan.

AHMAD, AINUL ASNIERA AHSAN dan HAMDEN RAMLI

UTUSAN MALAYSIA JUMAAT 24 JUN, 2005

## 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam

“Saya berharap kepada suruhanjaya itu untuk menggariskan wawasan yang akan dijadikan panduan dalam melaksanakan inisiatif strategik yang akan membawa kemakmuran serta pembangunan kepada dunia Islam,” kata beliau.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Kewangan II,

Tan Sri Nor Mohamed Yacop dan Presiden IDB Dr. Ahmad Mohamed Ali.

Pelantikan itu dilihat sebagai bertepatan kerana Dr. Mahathir merupakan pencetus Wawasan 2020 yang menjadi garis panduan hala tuju negara untuk menjadi sebuah negara maju.